

07 JUL 2001

Mahathir-Tiba

DR MAHATHIR TIBA DI LANGKAWI

LANGKAWI, 7 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini malam ini dengan disambut oleh kira-kira 1,000 orang termasuk pelajar sebuah kolej swasta di sini, malam ini.

Pelbagai kain sepanduk direntang menyambut ketibaan Dr Mahathir dengan ribuan orang berbaris bermula dari tempat ketibaan sehingga ke pintu keluar Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini, untuk bersalaman dengannya.

Sebaik sahaja Dr Mahathir melangkah masuk ke kenderaannya, kedengaran slogan "Melayu Tidak Lupa" dilaungkan, yang merujuk kepada kenyataan beliau pada Perhimpunan Agung Umno bulan lepas bahawa orang Melayu mudah lupa.

Sebelum itu, ketibaan Dr Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib, Pegawai Daerah Rasli Basir dan pemimpin tempatan lain.

Esok, Perdana Menteri dijadual meninjau projek-projek pembangunan di pulau peranginan ini.

Beliau dijadualkan meninjau pusat membeli belah bersepadu, Oriental Village, projek pemulihan Pantai Kok dan penahan ombak di pantai itu yang menelan belanja RM29.6 juta di Teluk Burau.

Teluk Burau dijangka menjadi satu lagi pusat pertumbuhan baru menarik pelancong yang menyediakan pelbagai kemudahan termasuk taman rekreasi dan bazaar membeli belah.

Dr Mahathir juga dijadualkan meninjau kawasan hutan paya bakau di Kilim esok selain melawat gua Kelawar di kawasan itu, yang menjadi tempat tarikan pelancong.

Beliau dijadual pulang ke Kuala Lumpur petang esok.

-- BERNAMA

NH NAK